

Revolusi Industri 4.0 Dalam Pengajaran Hadis di Institut Pengajian Tinggi Malaysia

Industrial Revolution 4.0 In The Teaching of Hadith at Institutes of Higher Education Malaysia

Suriani Sudi¹
Siti Mursyidah Mohd Zin¹
Jannatul Husna Ali Nuar²
Rosni Wazir¹

¹ Selangor International Islamic College, 43000 Bandar Sri Putra, Selangor.

² Universitas Ahmad Dahlan, Jogjakarta, Indonesia

Corresponding Author: Suriani Sudi. Selangor International Islamic College, 43000 Bandar Sri Putra, Selangor.
suriani@kuis.edu.my. 0196554746.

Keywords:

*Teaching, Hadith, Higher
 Education Institutions ,
 Industrial Revolution 4.0.*

ABSTRACT

The progress of the Fourth Industrial Revolution has an impact on the world of education today. It necessitates lecturers being more creative and innovative in their teaching by employing a more effective and efficient method. Higher education institutions must also be more adaptable and ready to face the globalisation and digital challenges. Therefore, the purpose of this research is to determine how far the teaching of hadith in Malaysian higher education institutes is moving in tandem with the development of Industrial Revolution 4.0. This study is a qualitative content analysis based on articles from two databases, Researchgate and Google Scholar. The collected articles are then examined to ensure that the selected articles are relevant to the study's focus. The findings revealed that the teaching of hadith in Malaysian higher education institutes has grown in tandem with the Fourth Industrial Revolution. The teaching of hadith in Malaysian universities has been integrated with information technology, and the majority of hadith lecturers in Malaysian higher education institutes know and are proficient in using hadith-related applications.

Kata Kunci:

*Pengajaran, Hadis, Institut
 Pengajian Tinggi, Revolusi
 Industri 4.0.*

ABSTRAK

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 turut memberi kesan kepada dunia pendidikan hari ini. Ia menuntut pensyarah untuk lebih kreatif dan inovatif dalam pengajaran dengan menggunakan pendekatan yang efektif dan berkesan. Institut pendidikan tinggi juga perlu lebih fleksibel dan bersedia mengharungi cabaran globalisasi dan digital ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat sejauh mana pengajaran hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia bergerak seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan berdasarkan artikel daripada dua pangkalan data, Researchgate dan Google Scholar. Artikel yang dikumpul kemudiannya diteliti untuk

memastikan artikel yang dipilih adalah relevan dengan fokus kajian. Penemuan mendapati, pengajaran hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia telah berkembang seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Pengajaran hadis di institut pengajian tinggi Malaysia juga telah disepadukan dengan teknologi maklumat dan majoriti pensyarah hadis di institut pengajian tinggi Malaysia tahu dan mahir menggunakan aplikasi berkaitan hadis.

Received: October 30,2022

Accepted: November 30,2022

Online Published: December 31,2022

1. Pendahuluan

Perkembangan pesat dunia digital hari ini menjadikan dunia semakin maju. Jaringan internet telah memudahkan manusia dalam segenap urusan, bahkan internet dan manusia kini tidak boleh dipisahkan lagi. Revolusi Industri 4.0 yang diperkenalkan pada tahun 2016 merupakan satu bentuk kemajuan dalam peradaban dan ketamadunan manusia yang berkait rapat dengan pembangunan teknologi yang berasaskan digital, internet atau siber (Stăncioiu 2017). Industri 4.0 adalah penemuan pelbagai teknologi baharu yang menggunakan automasi, analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotic, cloud, Internet of Things (IoT) dan yang seumpamanya. Ia melibatkan teknologi automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan mereka untuk melakukan perubahan yang seiring dengan transformasi digital itu bagi mengekalkan daya saing dan menggalakkan kemajuan landskap dunia moden. Ia memerlukan semua pihak untuk bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat dalam produk berteknologi tinggi dan sistem automasi lebih pintar (Akmal Ariff Jamhari et al. 2020). Kehidupan manusia juga akan menjadi lebih mudah dengan bantuan alatan dan robot yang bakal menjadi “kawan” yang akan menguruskan pekerjaan, hal ehwal dan tugas harian (Abd Rahman et al. 2020)

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah membuktikan keberkesanannya dalam pengajaran. Banyak kajian telah menunjukkan TMK membantu proses pengajaran yang baik dan berkesan (Khor Mooi Tieng & Lim Hooi Lian 2014; Ab. Halim 2018; Muna, 2016; Norliza 2013). Justeru, tanggapan yang negatif dan kolot terhadap penggunaan TMK patut diubah dan harus ditambah kepada sebagai satu alat pengajaran yang berguna melalui pembentukan persekitaran pembelajaran yang menyokong keperluan, minat dan situasi peribadi mereka

Penggunaan TMK yang meluas menjadikan pelajar akan menerokai pelbagai ilmu yang mereka ingin ketahui. Oleh yang demikian, pembentukan karakter bangsa yang positif serta celik terhadap TMK seharusnya dipupuk dalam kalangan pelajar semasa mereka bersekolah lagi (Rashidah et. al 2011). Kecenderungan generasi Z menggunakan TMK bukan sahaja mendapatkan sumber maklumat malah menjadikan TMK sebagai medium untuk mendapatkan kefahaman yang lebih berkesan dalam menuntut ilmu (Ab. Halim 2019). Penggunaan TMK dalam proses pembelajaran adalah sangat penting seiring dengan perkembangan dunia pendidikan moden masa kini. Pengintegrasian penggunaan media teknologi juga menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan produktif. Suasana yang kondusif dan penggunaan teknologi yang menggabung jalinkan teknik suara, bunyi, gambar, video dan teks mampu menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan (Yusof & Tahir, 2018).

Seperti yang ditegaskan oleh Shahroom & Hussin (2018), perkembangan pendidikan juga tidak dapat lari dari tempas dan kebergantungan kepada teknologi maklumat khususnya internet, komputer dan peranti mudah alih. Teknologi M-pembelajaran membolehkan pelbagai aktiviti diterokai. Terdapat banyak kelebihan menggunakan teknologi seperti menjadi medium penyebaran maklumat yang lebih pantas dan berkesan, mendapatkan fakta daripada bahan pengajaran, mengadakan perbincangan dengan pelajar, menyertai forum dalam talian, membentangkan kertas kerja dan sebagainya (A. Rahim 2013). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pensyarah mesti menguasai pendidikan teknologi jenis ini. Keupayaan untuk menggunakan internet untuk mencari, memindahkan, menyimpan, dan memadamkan maklumat menggunakan komputer elektronik dan perisian telah menjadi satu keperluan. Keadaan ini juga boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan akses

pembelajaran dalam talian dengan kandungan yang berkualiti, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mengurangkan kos penyampaian dan menawarkan kepakaran Malaysia kepada masyarakat global.

Ini membolehkan pencapaian objektif yang digariskan dalam Dasar e-Pembelajaran Kebangsaan, atau DePAN. Malaysia juga mesti beralih daripada model penyampaian berskala besar kepada model inovasi dipacu teknologi untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan menyediakan pembelajaran yang lebih disesuaikan dengan keutamaan individu. Malah, semua IPT akan menggunakan model pembelajaran teradun sebagai pendekatan pedagogi utama mereka. Pelajar akan mendapat manfaat daripada infrastruktur siber yang kukuh yang membolehkan mereka menggunakan teknologi seperti persidangan video, penstriman langsung dan MOOC (massive online open courses) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2015).

Pendedahan terhadap Revolusi Industri 4.0 kepada tenaga pengajar di IPT perlu ditekankan selaras dengan transformasi pendidikan tinggi iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Selain itu, kaedah pengajaran yang seiring Revolusi Industri 4.0 harus dipraktikkan dengan lebih meluas. Kerana itulah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan kepentingan teknologi maklumat dalam pendidikan dan memanfaatkan teknologi maklumat bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia yang diletakkan di dalam anjakan ke-7 di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) (KPM 2013). Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) juga telah menggariskan pembelajaran dalam talian secara global dalam lonjakan yang ke-8 (Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2013-2025) sebagai satu usaha dalam memanfaatkan teknologi maklumat bagi meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia setanding dengan negara-negara maju dunia. Anjakan ke-7 KPM dan juga Lonjakan ke-8 KPTM ini jelas menunjukkan bahawa dunia pendidikan pada masa kini sangat bergantung kepada teknologi maklumat.

Kita memerlukan institut pendidikan tinggi yang lebih fleksibel dan bersedia mengharungi cabaran baharu agar mana-mana golongan masyarakat tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital. Bidang pendidikan adalah teras hadapi cabaran baharu Revolusi Industri 4.0. Walaupun Revolusi Industri 4.0 ini memberikan impak yang positif dan negatif, ianya dilihat merupakan sesuatu yang biasa dan segenap masyarakat khususnya di Malaysia perlu mendepani cabaran dan berusaha setidak-tidaknya mengurangkan impak negatif tersebut

Kemudahan internet menjadikan ilmu agama dapat dicapai menerusi dalam talian dengan hanya beberapa klik atau sentuhan pada paparan skrin telefon bimbit. Perkembangan internet menyebabkan peranannya lebih penting di dalam bidang keagamaan. Internet membolehkan pengguna melakukan kaedah pembelajaran secara elektronik atau e-pembelajaran (Aliff Nawawi et. al. 2004). Justeru, pengajian hadis juga perlu kepada perubahan hasil Revolusi Industri 4.0 kerana menurut Mohd Muhiden Abd Rahman & Zainab Asbullah (2012) satu anjakan paradigma perlu dalam pengajaran hadis supaya menepati metode yang digariskan oleh ulama hadis, bermula dari pemilihan kitab-kitab hadis yang muktabar sehinggalah kepada metodologi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Memandangkan pengajian hadis amat penting untuk disebar luas dan diajarkan agar dapat dihayati dan diamalkan sebagaimana al-Quran, lantas kajian ini amat perlu dijalankan. Menerusi kajian ini, pihak tertentu dapat mengambil manfaat dan langkah positif ke arah pemantapan pengajaran hadis. Maka kajian akan dijalankan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan revolusi industri 4.0 khususnya dalam pengajian hadis di institut pengajian tinggi Malaysia.

2. Metodologi

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan berkaitan Revolusi Industri 4.0 di dalam pengajaran hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan pencarian artikel menggunakan dua pangkalan data iaitu Researchgate dan Google Scholar. Artikel yang telah dikumpul kemudian diteliti bagi memastikan artikel yang dipilih menepati fokus kajian. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan teknologi maklumat ada dilaksanakan dalam pengajaran hadis di institusi pengajian tinggi di Malaysia di mana laman web dan aplikasi hadis telah digunakan sebagai bahan bantu mengajar.

3. Dapatan Kajian

Pengajaran hadis didapati telah bersedia menghadapi Revolusi Industri 4.0 apabila teknologi maklumat dan komunikasi telahpun dilaksanakan dalam pengajaran hadis di institusi pengajian tinggi di Malaysia di mana laman web dan aplikasi hadis telah digunakan sebagai bahan bantu mengajar. Huraian berkaitan perkara demikian dijelaskan di bawah.

3.1 Pelaksanaan Teknologi Maklumat dalam Pengajaran Hadis

Pengajian dan pengajaran hadis perlu bersaing untuk mendepani Revolusi Industri 4.0 ini. Kenyataan ini seiring dengan Mohd Muhiden Abd Rahman & Zainab Asbullah (2012) yang menyatakan perlunya anjakan paradigma dalam pengajaran dan pembelajaran hadis supaya pengajian hadis menepati kaedah muhaddithin dan mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat Islam. Kaedah pembelajaran Hadis juga perlu menyesuaikan diri dengan zaman moden dengan mengamalkan gaya persekitaran pembelajaran yang baharu (Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir et al., 2022). Menurut Azham (2014), belajar dengan teknologi bermaksud menggunakan perisian pendidikan dalam CD, berasaskan web, pembelajaran dalam talian, e-pembelajaran, berasaskan komputer latihan (CBT), dan terbaharu pembelajaran mudah alih (m-pembelajaran).

Kenyataan ini turut di sokong dengan kajian Shumsudin Yabi (2017) yang turut menjelaskan perubahan dunia dan teknologi yang pesat sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengajian ilmu-ilmu Islam terutamanya dalam bidang hadis. Shumsudin Yabi (2017) juga mendapati perlunya penambahbaikan sistem pengajaran hadis khususnya kursus Ulum Hadis di institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Antara pendekatan penting dalam pengajaran kursus Ulum Hadis di institusi pengajian tinggi awam adalah pembelajaran kaedah elektik iaitu penggabungan kaedah tradisional dan moden dalam pengajaran, menggunakan jadual dan gambarajah di dalam pembelajaran serta melaksanakan pembelajaran aktif.

Mesbahul et al. (2017) telah menjalankan kajian terhadap kalangan pelajar ijazah di Jabatan al-Quran dan Sunnah di sebuah universiti awam Malaysia untuk menilai kesan teknologi moden, khususnya aplikasi perisian dan laman web terhadap pengajian hadis dan mendapati 68% peserta percaya bahawa penggunaan perisian dan laman web dapat meningkatkan pengajian hadis dan ilmu. A. Irwan Santeri Doll Kawaid et al (2018) mendapati kebanyakan pensyarah universiti awam Malaysia mengetahui dan mahir dalam menggunakan aplikasi TMK berkaitan hadith dan tahap integrasi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadith juga adalah baik. Ini kerana mereka bukan sahaja mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran, malah mereka juga menggalakkan dan yakin bahawa TMK dapat meningkatkan penguasaan ilmu hadith pelajar. Penggunaan teknologi dalam PdP Ilmu Hadis di Institut Pengajian Tinggi sekitar negeri Perak juga mencatatkan nilai min yang tinggi. Pensyarah didapati menggunakan alat bantu mengajar yang menggunakan slide Power Point, penggunaan kitab secara PDF, penggunaan *Software* Hadis, penggunaan aplikasi- aplikasi online hadis. Penggunaan peta minda, jadual dan gambar rajah dapat membantu pelajar dalam memahami dan menghafal sesuatu di dalam kursus Ulum Hadith. Penggunaan slaid power point yang biasa digunakan adalah bukti sebagai penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran yang inovatif dan berkesan dalam kalangan pensyarah dan pelajar (Wahyu Hidayat Abdullah et. al 2020).

Sebilangan besar pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM juga menggalakkan pelajar mereka menjalankan takhrij terhadap sesuatu hadis dengan menggunakan perisian komputer dan laman web takhrij di internet. Aktiviti jenis ini menggalakkan pembelajaran aktif dengan menggalakkan pelajar mengaplikasikan ilmu takhrij mereka walaupun di luar bilik darjah. Ketersediaan kemudahan komputer dan internet memastikan pembelajaran berterusan di luar bilik darjah. Penemuan ini juga menunjukkan bahawa pensyarah al-Quran dan Hadis tidak menentang, sebaliknya menggalakkan, penggunaan perisian dan laman web. (Syed Najihuddin 2015)

Nurul Nazariah & Mesbahul (2017) mendapati bahawa kekerapan menggunakan internet untuk mencari hadis dalam kalangan pelajar tahun akhir di Universiti Sains Islam Malaysia adalah tinggi dan kebanyakan daripada mereka juga merujuk semula kepada sumber yang asal. Kajian ini menunjukkan pensyarah mengaplikasi

teknologi maklumat dalam pengajaran dengan meminta pelajar merujuk kepada web dan aplikasi dalam pencarian hadis.

Teknologi inovatif, menurut Mesbahul et al. (2017), telah menjadi alat penting untuk pengajaran dan pembelajaran. Ini menjadikan pengajian hadith lebih mudah dan menyeronokkan. Mencari sumber hadis dan menentukan kesahihannya, misalnya, menjadi lebih mudah dengan alat teknologi. Beliau seterusnya menekankan kepentingan penggunaan teknologi moden dalam pengajian hadis dan ilmunya. .

3.2 Laman web dan Aplikasi Hadis Sebagai Bahan Bantu Mengajar

Terdapat banyak aplikasi TMK dan laman web berkaitan hadith dibangunkan dalam bidang hadith. Ia menyediakan perkhidmatan fungsi carian untuk memudahkan pencarian hadis dalam talian serta untuk memudahkan umat Islam mendekatkan diri kepada sumber kedua terpenting seterusnya meluaskan pengetahuan mereka mengenainya. Aplikasi ini sentiasa maju seiring dengan kemajuan baru dalam dunia TMK, yang merangkumi bukan sahaja pendigitalan kitab hadis, tetapi juga kehadiran pelbagai fungsi canggih yang lain (A. Irwan Santeri Doll Kawaide et al 2018)

Antara laman web hadith dalam Bahasa Arab ialah;

1. al-Durar al-Saniyyah (dorar.net)
2. Mawqi' al-Islam (<http://hadith.al-islam.com>)
3. Islamweb (<http://www.islamweb.net>)
4. Nida' al-Iman (<http://www.al-eman.com/hadeeth>)
5. Mawsu'ah al-Syamilah (<http://www.islaport.com>)
6. al-Muhaddith (http://www.muhammadith.org/a_index.html),
7. al-Jami' al-Hadith al-Nabawi (<http://www.sonnaonline.com>)
8. Kutub Takhrij al-Hadith al-Nabawi al-Syarif li al-Shaykh Nasir al-Din al-Albani (<http://islamicweb.com/ara/bic/books/albani.asp>)

(Zulkipli et al., 2017)

Laman web bahasa Melayu juga wujud seperti E-Hadith dan Mastika Hadith JAKIM, Projek My Masjid, Fikrah.net, al-Nidaa ' dan Lidwa.com (Abdul Halim et al., 2018). Walau bagaimanapun, kebanyakan kandungan yang terdiri daripada perbincangan hadith, koleksi hadith yang sama ada untuk dimuat turun atau dipaparkan dalam bentuk teks visual di internet atau audio ceramah hadis. Selain laman web, proses pembelajaran menjadi lebih mudah apabila trend baharu dalam e-pembelajaran dibawa dengan perkembangan teknologi mudah alih iaitu sebagai pembelajaran mudah alih atau dikenali dengan baik sebagai M-pembelajaran di mana pelajar boleh mengakses kursus atau maklumat melalui peranti kerana ia mesra pengguna dan fleksibel untuk digunakan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Antara alat mudah alih bantuan dalam teknik Pembelajaran Mudah Alih ialah telefon bimbit, telefon pintar, komputer pegang tangan, Tablet PC, komputer riba dan sebagainya (Bezhevski & Poorani, 2016).

Dalam erti kata, carian untuk hadis dan ayat al-Quran telah pun dirujuk melalui carian internet berasaskan kepada perisian, laman sesawang, blog peribadi dan sebagainya, bukan lagi dirujuk semata-mata kepada bahan bercetak (Khader Ahmad 2019).

M-pembelajaran dalam bidang hadis juga boleh didapati menerusi aplikasi yang dihasilkan oleh saintis Muslim melalui sistem operasi contohnya Hadith Qudsi Aplikasi Islam, Hadith Qudsi Pro, Islam / Hadith, Maktabah al-Hadith, Al-Hadith al-Nabawi, Al-Hadith al-Nabawi Pro, Maktabah al-Hadith al-Syarif, Terjemahan Sahih Al-Bukhari, Mukhtasar Sahih al-Bukhari, Hadith on Durood, Hadith 42 Imam al-Nawawi, Hadis Paket Mobile dengan terjemahan ke dalam bahasa Indonesia, Doa Nabi Muhammad SAW, Terjemahan Bab Haji Sahih al-Bukhari dan Sahih al-Muslim ke dalam bahasa Indonesia, Terjemahan Hadits Arba'in ke dalam bahasa Indonesia dan lain-lain (Zulkipli et al., 2017). Walau bagaimanapun, Zulkipli et al. (2017) menegaskan bahawa kebanyakan aplikasi tidak mengambil keseluruhan Hadis seperti dalam sumber asal tetapi sekadar ringkasan

atau hanya mengambil beberapa hadis utama dari setiap bab. Ini muncul disebabkan oleh aspek had muncul apabila sistem pengendalian hanya mampu menampung ke dalam jumlah kapasiti data yang lebih ringan.

Suliaman et al. (2018) telah memberikan tumpuan dalam kajiannya kepada tiga aplikasi mudah alih iaitu Ensiklopedia 9 Imam, Mawsu'ah al-Hadith al-Nabawi al-Sharif dan Kutub Tis'ah dan tiga laman web iaitu al-Durar al-Saniyyah, Mawqi' al-Islam dan Islamweb dalam kajian mereka. Berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh Suliaman et al. (2018), dapatan menunjukkan bahawa tiga daripada aplikasi mudah alih hadis tersebut adalah merupakan aplikasi teratas yang tersedia dengan pelbagai kelebihan manakala tiga laman web itu pula berada jauh di hadapan kerana bilangan kitab dan hadis yang banyak. Dengan ini ia mampu untuk menampung keperluan penyelidik untuk mengakses hadis dalam skala yang lebih luas. Dapatan telah mencadangkan bahawa aplikasi mudah alih aplikasi dan laman web ini sesuai digunakan untuk tujuan pendidikan kerana ia telah mempelopori kategori pencarian hadith. Shahril Nizam Zulkipli (2012) dalam kajiannya mendapati laman web al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb telah menjadi rujukan dalam kalangan penyelidik dan pelajar dalam bidang hadis khususnya dalam carian dan mendapatkan maklumat berkenaan sumber dan status hadis. Sebagaimana Syed Najihuddin (2009; 2015) mendapati para pensyarah Fakulti al-Quran dan Sunnah USIM juga bersetuju agar laman web ini digunakan sebagai alat bantuan mengajar dan seterusnya menjadi kunci kepada ilmu takhrij. Ini kerana laman web ini mampu memberikan pemahaman dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang mana hal sedemikian boleh memudahkan penyampaian pensyarah dalam kelas pengajiannya. Masa carian yang diambil secara relatifnya juga adalah cepat, di samping laman web ini menjelaskan hukum sesebuah hadis, menyenaraikan banyak riwayat dan matan serta memberikan pilihan sumber rujukan yang banyak kepada pengkaji hadis.

Untuk menambah koleksi aplikasi hadis, Phayilah Yama et.al (2020) telah membangunkan sebuah laman web yang diberi nama *Syajarat al-Asanid* sebagai salah satu inovasi dalam medium pengajaran masa kini yang menggunakan teknologi maklumat. Ia direka khas bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar dan juga orang awam berkaitan ilmu *Takhrij al-Hadith* dalam memahami susunan sanad dan menggambarkan rantaian sanad perawi dalam gambarajah yang tepat, seterusnya menjadikan pembelajaran ilmu tersebut lebih menarik dan inovatif. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa majoriti pelajar lebih menguasai *syajarat* dengan menggunakan aplikasi berbanding kaedah manual yang diaplikasikan di dalam kelas

4. KESIMPULAN

Kajian menunjukkan perkembangan Revolusi Industri memberi kesan kepada dunia pendidikan hari ini. Teknologi maklumat telah membuktikan keberkesannya dalam pengajaran dan pengajaran hadis perlu bersaing untuk mendepani Revolusi Industri 4.0 ini. Kajian mendapati, pengajaran hadis di universiti-universiti di Malaysia telah diintegrasikan dengan teknologi maklumat. Kebanyakan pensyarah bidang hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia mengetahui dan mahir menggunakan aplikasi TMK berkaitan hadis malah para pensyarah turut menerima baik dan mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis. Maka, pengajaran hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia secara keseluruhannya perlu lebih bersedia untuk menghadapi perkembangan revolusi ini dan menerapkan elemen-elemen Revolusi Industri 4.0 dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan. Para pendidik perlu di beri kemahiran yang secukupnya dan pihak institusi pengajian di Malaysia perlu melakukan persediaan yang lebih baik dalam menghadapi kepesatan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2018. *Ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz Di Malaysia.Ucaptama Simposium Pendidikan Tahfiz 2018*. Kementerian Pendidikan Malayisa
- Ab. Halim bin Tamuri. 2019. *Prospek Dan Cabaran Pendidikan Tahfiz Dalam Sistem Pendidikan Negara*. Ucaptama Seminar Halatuju Pengajian Tahfiz.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnalhadis@kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 24 (Month 2022)

- Abdul Halim, A., Anas, N., Zulkipli, S., Yaacob, Z., Mohd Noor, M., Ghazali, Z., Syed Hassan, S. 2018. Popularity of Digital Hadith Application (DHA) in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology(IJCIET)*, 9(10), 1382-1390.
- Abd Rahman, M. J., Yasin, M. H. M., Hamzah, M. I., Haron, Z., Daud, M. Y., & Ensimaui, N. K. (2020). The cultural of fourth industrial revolution in learning process. *Prosiding 3rd International Conference on Learning Innovation and Quality Education (ICLIQE 2019)*, 511-516. Atlantis Press. <https://www.atlantis-press.com/proceedings/icliqe-19>.
- A. Irwan Santeri Doll Kawaidd et. al. 2018. Pengintegrasian Aplikasi ICT Berkaitan Hadis Di Universiti Awam Malaysia. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. Vol. 14, No. 2, hal. 131-138
- A Rahim, N. 2013. *Penggunaan Mobile Learning (m-Learning) untuk tujuan pembelajaran dalam kalangan pelajar kejuruteraan UTHM*. Tesis Kedoktoran, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Akmal Ariff Jamhari, Siti Hajar Abd Razak, Nur Anis Karim Mohamad & Mohamad Izzuan Mohd Ishar. (2020). Persediaan Rakyat Malaysia Dalam Merealisasikan Matlamat Revolusi Industri 4.0. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Volume 5, Issue 10: 75-82
- Azham, H. N. 2014. mFakih Modelling Mobile Learning Game to Recite Quran for Deaf Children. *International Journal on Islamic Application in Computer Science and Technology*, 2(2).
- Bezhovski, Z., & Poorani, S. (2016). The Evolution of E-Learning and New Trends. *Information and Knowledge Management*, 6(3), 50-57
- Hashim, H., Mohd Nasri, S. M., & Mustafa, Z. 2016 Cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan persekitaran pembelajaran maya FROG di bilik darjah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 115-129
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi*. Diakses <https://www.mohe.gov.my/en/download/publications-journals-and-reports/pppm-2015-2025-pt/103-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi/file>.
- Khader Ahmad. 2019. Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith. *Prosiding Seminar ICONIMAD 2019 International Conference on Islam in Malay World IX*, Krabi, Thailand
- Khor Mooi Tieng & Lim Hooi Lian. 2014. Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (Ptpk) Dalam Kalangan Guru Matematik Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* Vol.4 No.1 Jun 2014.
- Mesbahul Hoque Chowdury et. al. 2017. Application of Modern Technology in the Study of Hadith and Its Sciences: A Case Study. *Journal of Computational and Theoretical Nanoscience* 23(5):4773-4776. DOI: 10.1166/asl.2017.8895
- Mohd Muhiden Abd Rahman & Zainab Asbullah. 2012. Realiti Pengajian Hadis di IPT Islam: Suatu Kajian di IPT Islam di Malaysia. *Jurnal Al-Basirah*. (2): 27-46.
- Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Abdul Rahim Kamarul Zaman, Muhammad Adam Abd. Azid & Abdul Azib Hussain. 2021. Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur. *Jurnal al-Hadis*. Vol. 11 (22). <https://doi.org/10.53840/hadis.v11i22>
- Muna Hamzan. 2016. *Penggunaan Teknologi Ict Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Ijazah Sarjana Falsafah. UTM



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 24 (Month 2022)

- Nurul Nazariah Mohd Zaidi & Mesbahul Hoque Chowdury. 2017 *User Awareness on the Authenticity of Hadis in The Internet: A Case Study*. 2ND INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2017. 15 November 2017. KUIS,
- Nurul Nazariah Binti Mohd Zaidi & Mesbahul Hoque. 2019. Application of e-learning for teaching hadith in higher education institutional education in Malaysia: A Literature Review. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 3, no. e-ISSN 2590-3799
- Norliza. 2013. *Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Uthm*. Tesis Ijazah Sarjana. Uthm.
- Rashidah Rahamat, Parilah Mohd Shah & Sharifah Nor Puteh. 2011. *Kesediaan pelajar Terhadap Penggunaan Teknologi m-Pembelajaran*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM
- Shahril Nizam b. Zulkipli, M. Faidz b. M.Fadzil & Ishak b. Hj. Suliaman. 2011. Pembelajaran Capaian Teks Hadis Berautoriti Di Internet: Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb. *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Jabatan AlQuran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya . hal 233-251
- Shahril Nizam Zulkipli, Norazmi, A Mohd Syukri, Amran, A. H., Ahmad Sanusi, Syed Najihuddin, S. H.& Zulkifli. 2018. M. G. *Prestasi Aplikasi Hadis Digital (Ahd) Dalam Persekitaran Interaktif*. The 5th World Conference On Islamic Thought & Civilization Securing The Future (WCIT 2018) . Universiti Sultan Azlan Shah
- Shahril Nizam Zulkipli, 2012 *Pemeliharaan Hadith di Internet: Kajian Terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb*. Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
- Shahroom, A. A., & Hussin, N. 2018. Industrial revolution 4.0 and education. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 314-319
- Shumsudin Yabi et.al. 2017. Pengajaran kursus ulum hadis di institusi pengajian tinggi awam: Tinjauan literasi terhadap pendekatan pengajaran masa kini. *Maalim Quran wa al-Sunnah*. Volume 13, No. 14, hal 76-84.
- Stăncioiu, A. 2017. The fourth industrial revolution Industry 4.0. *Fiabilitate Şi Durabilitate*, 1(19), 74-78.
- Suliaman, I., Zulkipli, S., Ramlan, A. M., Anas, N., Ahmat, A., Aziz, N., et al. (2018). The Convenience of Takhrij al-Hadith through ICT Apps: An Exploratory Analysis on Selected Hadith Website and Mobile Apps. *International Journal of Civil Engineering and Technology(IJCIET)*, 9(11), 2649-2660.
- Syed Najihuddin S.H, Zulhilmi M.N, Ahmad Sanusi A, Noornajihan J & Mohd Zohdi M. A. 2015. Laman web al-Durar al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*. 10(11): 194- 220.
- Syed Najihuddin S.H, Noornajihan J, M. Zohdi M.A., A. Sanusi A., Zulhilmi M.N. 2009. *Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadis*. (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadis Nusantara: Realiti dan Keperluan Dalam Masyarakat di Universiti Malaya, 30-31
- Phayilah Yama, Nur Saadah Hamisan@Khair, Aisyah Mat Jasin, Siti Mursyidah Mohd Zin & Muhammad Aizat Syimir Rozaini.2020. The Process Of Developing Syajarat Al-Asanid Online: Hadith From Sahih Muslim As A Case Study. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. Vol. 7 Edisi Khas (Disember 2020): 58-74
- Wahyu Hidayat Abdullah, Mohd Ikhwani Zolkapli, Nurul Fathonah Abdul Halim 2020. Analisis Pendekatan Pengajaran Ilmu Hadis (Ih) Di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Negeri Perak Darul Ridzuan e-



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 24 (Month 2022)

Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAHA 2020) 21-24 Jogjakarta. Indonesia. e-ISBN e978-967-2122-86-9

- Zulkipli, S., Yaacob, Z., Anas Norazmi, Mohd Noor, M., Zainal Abidin, M., Ahmat, A., & Yakob, M. (2017). Takhrij al-Hadith via Mobile Apps: Study of 9 Imam Encyclopedia, Kutub Tis'ah and Mawsu'ah al-Hadith al-Nabawi al-Syarif. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1174-1185.
- Zulkipli, S., Yaacob, Z., Anas, N., Mohd Noor, M., Wan Jamil, W., & Yakob, A. (2017). Takhrij l-Hadith via Websites: A Study of al-Durar al-Saniyyah, Mawqi' al-Islam and Islam Web. *International Jurnal of Science and Research*, 73(4), 83-100.